

DATE: 3/6/2010



NAJIB bersalaman dengan orang ramai ketika melakukan tinjauan mesra sekitar Taman Sea Park, Petaling Jaya, semalam.

Indeks jenayah turun hasil inisiatif NKRA

BH-3/06/2010

Orang awam rasa lebih selamat di kawasan panas



www.pemandu.gov.my

Oleh Nazura Ngah
dan Wan Faizal Ismayatim
bhnews@bharian.com.my

PETALING JAYA: Datuk Seri Najib Razak berkata penurunan kadar indeks jenayah sebanyak 15.1 peratus dan jenayah jalanan 39.6 peratus dalam tempoh tiga bulan pertama tahun ini menunjukkan keberkesanan inisiatif Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA).

Malah, Perdana Menteri berkata penurunan indeks jenayah itu juga boleh dirasakan orang awam yang menyata-

kan sokongan terhadap usaha diambil kerajaan ketika menemui mereka melalui program tinjauan mesranya.

“Orang ramai yang saya temui ketika melakukan tinjauan mesra menyatakan mereka kini berasa lebih selamat dengan kehadiran ramai anggota polis beruniform di kawasan panas.

“Walaupun usaha ini menunjukkan kejayaan, penambahbaikan akan terus dilakukan di seluruh negara melalui pakej yang dirancang termasuk penambahan anggota sukarela di samping sokongan komuniti tempatan melalui Rukun Tetangga (RT).

“Di United Kingdom, apabila mereka meletakkan penurunan jenayah sebagai NKRA, kadar jenayah meningkat pada tahun pertama, tetapi di Malaysia sebaliknya berlaku kerana menurun dengan ketara.

“Ini adalah kejayaan yang

kita rasa bangga, apa lagi disokong pendapat orang ramai yang saya temui tadi (ketika tinjauan mesra) yang menyebut mereka dapat merasai suasana yang lebih selamat,” katanya kepada pemberita selepas melakukan tinjauan mesra sekitar Taman Sea Park di sini, petang semalam.

Dalam tinjauan mesra kira-kira setengah jam itu, Perdana Menteri bersalaman dan berbual dengan orang ramai termasuk peniaga, pekerja premis perniagaan dan penduduk.

Perdana Menteri turut minum petang dengan menikmati air kelapa dan roti canai di Restoran Nasi Kandar Pelita di Jalan SS2/55 sambil berbual dengan wakil penduduk dan anggota Rukun Tetangga kawasan itu.

Najib berkata, sehingga kini 7,402 pegawai dan anggota polis yang sebelum ini menjalankan tugas pentadbiran,

sudah diserap untuk tugas kepolisan di kawasan panas dan kekosongan ditinggalkan mereka digantikan dengan 4,279 kakitangan awam.

Katanya, kerajaan akan mengkaji keberkesanan langkah penstrukturan semula itu sebelum mengambil tindakan susulan.

Beliau berkata, usaha meramaikan kehadiran anggota polis beruniform di kawasan panas akan turut dibantu anggota sukarelawan polis, Rela dan Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) dengan memakai seragam polis ketika melakukan rondaan.

“Melalui cara ini dan ditambah dengan balai bergerak yang berfungsi seperti balai polis, orang ramai boleh membuat aduan terus kerana ia dilengkapi sistem komunikasi canggit yang dihubungkan dengan Ibu Pejabat Polis Daerah, Kontinjen dan Bukit Aman.